




سِتْيَاوْسَهَا كِرَايَا نِ تَرَنْغَانُو
SETIAUSAHA KERAJAAN
TERENGGANU



Ruj.Kami : SUK.TR. 100-1/4/3 Jld.2 – (20)
Tarikh : 10 Mac 2024
Bersamaan : 29 Syaaban 1445

Semua Ketua Jabatan Negeri Terengganu
Semua Ketua Jabatan Badan Berkanun Negeri Terengganu
Semua Ketua Jabatan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu

Tuan,

PEKELILING PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU
BIL 2 TAHUN 2024

**PENETAPAN KADAR HARGA MAKANAN UNTUK JAMUAN-JAMUAN YANG
DIANJURKAN OLEH SESEBUAH JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pentadbiran Negeri bersetuju untuk membuat pindaan bagi penetapan kadar harga makanan untuk majlis-majlis jamuan/keraian rasmi yang dianjurkan oleh sesebuah jabatan/agensi kerajaan. Kadar yang dipersetujui adalah sepertimana berikut:

- i) Bagi seminar, kursus, mesyuarat, majlis perasmian/penutup, lawatan dan seumpamanya, kadar harga adalah :
 - a) Minum pagi atau minum petang tidak melebihi RM7.00 seorang
 - b) Makan tengah hari atau makan malam tidak melebihi RM12.00 seorang
 - c) Tidak dibenarkan sebarang penyediaan makan/minum sepanjang bulan Ramadhan
- ii) Bagi jamuan meraikan Dif-dif dari luar negeri/Ahli-Ahli MMKN perlu mendapat kelulusan daripada YB Pegawai Kewangan Negeri
- iii) Bagi jamuan Rasmi Kerajaan Negeri seperti Jamuan DiRaja, Jamuan Negeri, Majlis Rasmi YAB Menteri Besar Terengganu dan Majlis Rasmi YB Setiausaha Kerajaan perlu mendapat kelulusan daripada YB Pegawai Kewangan Negeri
- iv) Kadar-kadar harga tersebut adalah termasuk 'Sale and Service Tax' (SST).

...2/-

... telah di emat

11.8.24



SUK.TR. 100-1/4/3 Jld.2 – (20)

-2-

3. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **10 Mac 2024** dan dipanjangkan kepada semua jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Dengan berkuat kuasanya pekelling ini, maka Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu Bil. 2 Tahun 2023 bertarikh 28 Mac 2023 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

“TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA “
“ MALAYSIA MADANI “
“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,


(TENGGU SERI BIJAYA RAJA)